

An illustration of three people celebrating. Two men in blue shirts are on the left, and a woman in a blue shirt is on the right. They are all smiling and have their arms raised, holding blue streamers and confetti. The background is white with blue streamers and confetti scattered around. The text 'Selamat Tahun Baru!' is written in a large, blue, serif font inside a white rounded rectangle with a blue border.

**Selamat
Tahun
Baru!**

1. BANTUAN SOKONGAN BAGI EPBT 3.0 MODUL KEWANGAN


01/01/2024 (ISNIN) – 03/01/2024 (RABU)

3 PBT telah dikunjungi oleh staf CTSB untuk memberikan bantuan sokongan kepada Majlis Perbandaran Muar (MPM), Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) dan Majlis Daerah Mersing (MDM).

Seramai 9 staf CTSB yang telah memberikan bantuan sokongan selama 3 hari di PBT-PBT berikut antaranya ialah Khalis, Aina, Inshirah, Shafika Manaf, Fozuyanis, Amirah Inez, Farhana, Saufi dan Zawannah.

Bantuan sokongan kepada 3 PBT berjalan dengan lancar dengan bantuan dari team CTSB yang berada di pejabat bagi membantu secara remote. Seterusnya, 4 PBT akan diberikan bantuan sokongan pada 14hb Januari sehingga 16hb Januari ini.

Thank you for the hardwork team!



2. NEW YEAR LUNCH GATHERING & WELCOMING NEW STAFF MEMBERS

02/01/2024 (SELASA)



Syarikat MSC dan CTSB telah menganjurkan majlis makan tengahari bersama semua staf di The Gig Cyberport Café untuk sambutan Tahun Baru dan memperkenalkan staf baharu di dalam team MSC Cyberport dan Cybersolution Technologies.

Selamat datang dan salam perkenalan kepada staf baru! Kami amat berbesar hati dengan kehadiran anda bersama kami.

Harapan syarikat adalah semoga lebih terus berusaha untuk maju dalam mengembangkan syarikat dan memperoleh pencapaian dengan kerjasama yang baik dari semua staf!

3. SESI MENANDATANGANI MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MOU) BERSAMA CTSB DAN KIWITECH SDN BHD

08/01/2024 (RABU)



Sesi mesyuarat dan sesi menandatangani Memorandum of Understanding (MOU) bagi menjalankan kerjasama perniagaan bersama pihak Kiwitech Sdn Bhd dan Cybersolution Technologies Sdn Bhd.

Wakil syarikat Kiwitech Sdn Bhd telah dihadiri oleh Dato' Azrin selaku Ketua Pegawai Eksekutif. Manakala dari pihak CTSB pula telah disertai oleh En Ramlee (CEO), Pn Arina (CTO), Amanda Tan (Senior Business Development Manager), En Sanusi (Smart City Lead) dan Syafiqah (Senior Project Coordinator).

4. PAMERAN CITRA KOKURIKULUM DI UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)

11/01/2024 (KHAMIS)



Pihak UTHM telah menganjurkan Pameran Citra Kokurikulum 2023 yang telah berlangsung pada 11 Januari 2024 bertempat di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM. Pihak CTSB juga telah mendapat jemputan untuk membuat pameran Robotik di UTHM. Booth CTSB telah menerima kunjungan Professor Sr. TS. Dr. Lokman Hakim bin Ismail, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTHM Dr Lutfan Jaes, Dekan Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum UTHM,

Professor Ts. Dr. Mohd Khairul bin Ahmad, wakil rasmi Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi UTHM dan Professor Madya Ir. Ts. Dr. Norashidah binti Abd Rahman, Timbalan Dekan (Kokurikulum) Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum. Terima kasih diucapkan atas kesempatan melawat ke booth CTSB.

5. BANTUAN SOKONGAN BAGI EPBT 3.0 MODUL KEWANGAN

14/01/2024 (AHAD) – 16/01/2024 (SELASA)

4 PBT telah dikunjungi oleh staf CTSB dalam memberikan bantuan sokongan kepada Majlis Daerah Labis (MDL), Majlis Daerah Simpang Renggam (MDSR), Majlis Daerah Yong Peng (MDYP), dan Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT).

Seramai 8 orang staf CTSB yang telah memberikan bantuan sokongan selama 3 hari di PBT-PBT berikut antaranya ialah Khalis, Saufi, Inshirah, Amirah Inez, Shafika Manaf, Aina, Zawannah dan Fozuayanis.

Bantuan sokongan kepada 4 PBT berjalan dengan lancar dengan bantuan dari team CTSB yang berada di pejabat bagi membantu secara remote.



6. KERJASAMA BAGI GERAN KEMENTERIAAN PENGAJIAN TINGGI PUBLIC PRIVATE RESEARCH NETWORK (PPRN) – E-KIOSK SERVICE ROBOT FOR SMART CITY

Cybersolution Technologies telah bekerjasama dengan UTHM menjalankan projek E-Kiosk Service Robot for Smart City yang bernilai berjumlah RM99,997.60. Dari pihak UTHM, Dr Abu Ubaidah bin Shamsudin dan pasukan telah berjaya mendapatkan geran PPRN bersama Syarikat Cybersolution Technologies. Semoga hasilnya akan memberi manfaat kepada semua dan meningkatkan kebolehterlihatan UTHM dan syarikat CTSB.



7. TERIMAAN KUNJUNGAN UTM – PROGRAM LAWATAN INDUSTRI DAN SESI PERKONGSIAN UNTUK KERJAYA MASA DEPAN

19/1/2024 (JUMAAT)

Sekalung penghargaan ditujukan kepada pensyarah dan pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang berdedikasi atas lawatan ke Cyber Robotics Malaysia pada 19 Januari 2024 untuk program Lawatan Industri dan Sesi Perkongsian untuk Kerjaya Masa Depan. Program ini bertujuan untuk memupuk minat pelajar terhadap pendigitalan dan minda teknologi keusahawanan melalui pendedahan teknologi robotik, pengkomputeran, mesin cetak 3D dan sesi perkongsian daripada industri.

Semoga program ini dapat memberi manfaat kepada pelajar untuk mempelopori bidang sains, inovasi dan teknologi kearah masa depan yang lebih cerah dan celik teknologi

8. SESI MENGAMBIL GAMBAR

21/1/2024 – 24/1/2024 (AHAD-RABU)



Satu sesi mengambil gambar untuk kesemua staf telah dijalankan pada 21hb Januari 2024 sehingga 24hb Januari 2024. Kesemua staf telah mengambil bahagian dan telah bekerjasama dalam menjayakan sesi ini.

Tujuan pengambilan gambar adalah bagi memudahkan proses pengurusan dalam membuat perkara atau menjalankan aktiviti berkaitan projek dan perniagaan.

Terima kasih diucapkan atas kerjasama yang diberikan dan usaha dari Digital Marketing & PMO dalam memastikan sesi ini berjaya mencapai objektif diperlukan.